Pendedahan terlalu awal jadikan murid terlalu cenderung kepada TVET - Pakar

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - November 15, 2024 @ 2:26pm
bhnews@bh.com.my



Foto hiasan.

KUALA LUMPUR: Pengenalan elemen Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada murid tahun satu disifatkan terlalu awal, malah berisiko menyebabkan mereka terlalu cenderung kepada sektor itu.

Pengerusi Pusat Kajian Pembudayaan Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Mohamad Sattar Rasul, berkata senario itu dikhuatiri mencetus risiko menyebabkan ketiadaan saintis, jurutera dan sebagainya pada masa hadapan.

Justeru, beliau meminta Kementerian Pendidikan (KPM) meneliti terlebih dahulu keputusan memperkenalkan elemen TVET bagi tahun satu di sekolah rendah menerusi Kurikulum Persekolahan 2027.

KPM dan kerajaan juga, katanya perlu merujuk pakar dan sebagainya sebelum melaksanakan elemen itu.

"Teliti dahulu. TVET ini adalah bidang khusus seperti kulinari, pertanian, automotif, tukang urut dan sebagainya... apakah kerajaan mahu terapkan ini dari awal?

"Saya rasa perancangan kerajaan ini sudah betul cuma mungkin menggunakan terma salah dan ia perlu semak balik maksud TVET yang mereka katakan, kerana ia mungkin berbentuk kemahiran untuk hidup yang kita sudah sedia ada.

"Sebagai contoh kemahiran pertanian, memang kita sudah laksanakan di sekolah seperti membuat batas atau hidroponik tetapi tidak sampai berbentuk kemahiran TVET," katanya kepada BH.

Semalam, Timbalan Menteri Pendidikan, Wong Kah Woh ketika sesi soal jawab di Dewan Rakyat memaklumkan KPM akan akan memperkenalkan elemen TVET bermula dari tahun satu di sekolah rendah menerusi Kurikulum Persekolahan 2027, di mana penekanan akan diberi kepada asas pendidikan TVET bagi memupuk minat murid dalam bidang berkenaan.

Mohammad Sattar berkata, setakat ini tiada mana-mana negara melaksanakan TVET di peringkat awal sekolah.

Di Jepun sekalipun, katanya mereka melaksanakan 'learning by doing' sebagai contoh murid membuat aktiviti pertanian dan di sebalik aktiviti itu, mereka belajar tentang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

"Mereka belajar tentang teknologi tertentu secara bermain bukan belajar kemahiran vokasional. Selain itu mereka ada belajar tentang elektronik dari awal, tetapi bukan kemahiran TVET dan ini berbeza sekali," katanya.

Tambahnya lagi, secara peribadi beliau tidak bersetuju elemen TVET dimasukkan di sekolah rendah kerana ia berbentuk kemahiran dan sepatutnya ia perlu ditunggu sehingga murid boleh membuat pemikiran logik iaitu ketika usia 11 tahun dan ke atas.

Presiden Persatuan Alumni Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (ALUMNI MPPK), Muhammad Amir Asyraf Mohd Sabri, menyokong usaha KPM memperkenalkan elemen TVET di peringkat sekolah rendah.

Katanya, ia langkah strategik dalam melahirkan generasi muda berkemahiran tinggi dan berdaya saing.

"Penerapan awal elemen TVET dijangka membekalkan pelajar dengan pemahaman serta kemahiran asas dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan disiplin lain yang semakin relevan dalam era ekonomi moden.

"Kami yakin pendekatan pembelajaran berasaskan projek yang diperkenalkan oleh KPM mampu memupuk minat pelajar dalam bidang teknikal dan vokasional sejak peringkat rendah.

"Selain itu, pendedahan awal ini diharapkan dapat membantu mereka mengenal pasti potensi diri serta membuka pilihan laluan kerjaya yang lebih luas selaras dengan keperluan industri dan perkembangan ekonomi negara," katanya.